

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN : 14

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah yang diambil untuk menangani masalah bekalan air luar bandar serta langkah alternatif bantuan air di luar bandar terutamanya di Batang Sadong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada prinsipnya, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian. Peranan Kementerian adalah membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian juga akan melaksanakan projek naik taraf atau membina baru loji rawatan air secara *case by case* di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kesemua projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kementerian ini adalah berdasarkan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak (SPU) dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan kedudukan kewangan semasa negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) bagi Parlimen Batang Sadong, Kementerian akan melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 2 – Samarahan dengan peruntukan sebanyak RM7.8 juta yang melibatkan penyambungan paip jenis HDPE pelbagai saiz sepanjang 16.36 kilometer. Projek tersebut dijangka akan ditender pada suku kedua tahun 2019 dan akan memberi manfaat kepada 5 buah kampung iaitu Kampung Sateman, Kampung Lubok Samsu, Kampung Ba, Kampung Lubok Bunting dan Kampung Benat Ulu yang merangkumi sebanyak 173 buah rumah.